



WARGA PENDIDIK....Dr. Rod Thorpe bersama pensyarah SPPS UMS.



RAKAM KENANGAN...Dr Rod Thorpe bersama peserta ceramah.

## Pelajar SPPS terima lawatan pengasas 'Teaching For Games Understanding'

**NST 7.1.14 8**  
KOTA KINABALU: Pelajar-pelajar Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS), khususnya pelajar bidang Sains Sukan amat bertuah apabila menerima lawatan pengasas kaedah 'Teaching For Games Understanding' (TFGU) iaitu Dr. Rod Thorpe baru-baru ini.

TGFU merupakan suatu konsep pengajaran dan pembelajaran yang dihasilkan oleh David Bunker dan Rod Thorpe pada tahun 1982 di Universiti Loughborough melalui pemerhatian yang mendapati pengajaran pendidikan jasmani tradisional kurang menarik minat

murid-murid.

TGFU juga adalah suatu pengajaran permainan untuk kefahaman yang dapat menarik minat dan perhatian kanak-kanak di dalam atau di luar bilik darjah agar mereka tidak bosan.

Dr. Rod Thorpe telah menyampaikan ceramah beliau bertajuk 'Teaching Games For Understanding- Evolution Of An Approach 1960 To 2012' bertempat di Bilik Seminar 1, SPPS UMS, disember 2013 lalu. Ceramah beliau yang disampaikan hampir tiga jam itu berkisarkan perkembangan model TGFU.

Menurut Dr. Mohamad Nizam Nazarudin Pensyarah Sains Sukan UMS, tidak dapat dinafikan bahawa kanak-kanak memang suka dengan aktiviti yang banyak melibatkan pergerakan sama ada pergerakan jenis lokomotor atau bukan lokomotor.

"Mereka kelihatan lebih cergas dan telah menunjukkan sikap inkuiri yang tinggi apabila aktiviti permainan dijalankan berbanding aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan dalam bilik darjah", jelasnya.

Sepanjang ceramah itu, para pelajar turut

didedahkan dengan kepentingan pengajaran pendidikan jasmani menggunakan kaedah TGFU melalui beberapa sesi praktikal. Kehadiran Dr. Rod Thorpe telah membuat para pelajar teruja dan menambah minat menggunakan teknik tersebut dalam pengajaran kemahiran sukan pelajar sekolah.

Sesi ceramah diakhiri dengan penyampaian cenderahati oleh Dr. Mohamad Nizam Nazarudin yang mewakili Dekan SPPS.  
-OLEH **RAZEEF RAHMAN**  
razeef@newsabahtimes.com.my





**CERAMAH....Thorpe menyampaikan ceramah kepada pelajar SPPS, UMS.**



**PRAKTIKAL...Rod Thorpe dalam sesi praktikal bersama pelajar.**